

02/11/2003

Berbudi kepada yang berjasa

SEORANG rakan bertanyakan Sang Lamri mengenai pelbagai penghargaan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum beliau bersara daripada kerajaan dan politik mulai jam 3 petang kelmarin. "Adakah di negara lain seorang pemimpin yang berundur diberi penghargaan sedemikian rupa sehingga setiap akhbar utama menerbitkan keluaran khas? Aku tidak pernah dengar New York Times atau Washington Post berbuat demikian," kata rakan itu.

Bagi Sang Lamri, jawapan kepada bermacam bentuk penghargaan daripada pelbagai lapisan rakyat terhadap Dr Mahathir itu mudah saja. Pertama kerana jarang ada pemimpin lain, sama ada di negara maju atau dunia ketiga, yang berundur ketika popularitinya masih memuncak dan khidmatnya masih diperlukan negara.

Kebanyakan ketua negara atau ketua kerajaan lain berhenti sama ada meninggal dunia ketika memegang jawatan, tewas dalam pilihan raya, rampasan kuasa atau atas sebab-sebab kesihatan.

Sejarah kebanyakan pemimpin besar lain, selepas berada di puncak sekian lama, selalunya antiklimaks. Sukarno, bapa kemerdekaan Indonesia dan salah seorang pengasas Pergerakan Berkecuali/pemimpin Afro Asia dipaksa undur selepas kegagalan cubaan rampasan kuasa oleh Parti Komunis Indonesia. Penggantinya, Suharto, selepas berjaya menyatu dan membangunkan bangsa Indonesia selama hampir 30 tahun, terpaksa menyerahkan kuasanya apabila rakyat mula memberontak di jalanan.

Presiden Mesir, Gamal Abdel Nasser, yang dianggap bapa perpaduan Arab mati ketika memegang jawatan, begitu juga dengan Gandhi, Nehru dan Mohammad Ali Jinnah. Barangkali hanya Lee Kuan Yew dan Nelson Mandela, yang menyerahkan kuasa kepada pengganti mereka ketika masih popular. Begitupun, penghargaan yang diberikan kepada mereka sewaktu berundur tidak sehebat yang diberikan oleh rakyat Malaysia terhadap Dr Mahathir.

Penghargaan yang agak luar biasa terhadap Dr Mahathir itu sebenarnya mencerminkan budaya Melayu - berbudi kepada yang berjasa. Kerana itu, sebahagian besar daripada kita masih mengenang jasa ustaz atau guru yang mendidik kita ketika kanak-kanak dulu.

Jadi tidak hairanlah jika rakyat memberikan penghormatan begitu tinggi kepada Dr Mahathir selepas 22 tahun beliau memimpin negara sehingga ke tahap yang kita kecapai sekarang. Penghormatan seperti itu bukanlah satu bentuk pendewaan seperti didakwa oleh pemimpin Pas. Pengikut Pas sebenarnya mengamalkan pendewaan apabila mereka secara taksub dan membuta tuli mengiyakan kata ketua mereka walaupun ia nyata bercakap dengan agama dan adat resam budaya Melayu.